



WESLEY METHODIST SCHOOL
SEREMBAN
(PRIVATE)

POLISI PRIVASI

Ini adalah Polisi Privasi untuk **Sekolah Methodist Wesley Seremban (Swasta)**. (Dalam dokumen ini, 'Syarikat', 'kami', 'kita', atau 'milik kami' merujuk kepada Sekolah Methodist Wesley Seremban (Swasta), sementara 'anda', 'kamu', atau 'milik anda' merujuk kepada individu yang mana data peribadinya sedang kami kumpulkan atau telah dikumpulkan, yang mungkin termasuk pelajar dan/atau ibubapa/penjaga sah).

Kami adalah komited untuk melindungi privasi dan data peribadi anda sejajar dengan pematuhan terhadap Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ('PDPA'). Polisi Privasi ini adalah untuk memaklumkan kepada anda tentang bagaimana kami mengumpul, mengguna, berkongsi, dan melupuskan data peribadi yang anda berikan kepada kami dan langkah keselamatan yang kami telah tubuhkan untuk memastikan bahawa data peribadi anda dilindungi.

Data Yang Kami Kumpul Mengenai Anda

Kami mengumpul dan memproses data anak/wad dan data peribadi anda untuk pelbagai tujuan akademik, pendidikan, dan pentadbiran. Anda mempunyai hak untuk memutuskan apa maklumat yang anda ingin berikan kepada kami. Walau bagaimanapun kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anak anda dan/atau memberikan anda perkhidmatan kami jika anda memilih untuk tidak memberikan kami maklumat yang dikehendaki atau jika data yang diberikan kepada kami adalah tidak lengkap atau tidak tepat.

Secara amnya, data peribadi yang kami kumpul, dan proses termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- Nama
- Nombor pengenalan (NRIC)
- Nombor Pasport
- Alamat
- Nombor Kontak
- Kewarganegaraan
- Alamat emel peribadi
- Pekerjaan
- Foto /imej
- Nama anak
- Jantina anak
- Tarikh lahir anak

- Sekolah semasa anak
- Kelayakan akademik anak
- Butiran kontak kecemasan

Sesetengah data peribadi yang kami kumpul dan proses mungkin termasuk apa yang ditakrifkan sebagai data peribadi sensitif di bawah PDPA. Ini termasuk maklumat mengenai anda berhubung:

- Kepercayaan keagamaan atau lain-lain kepercayaan seumpamanya;
- Kesihatan fizikal;
- Kesihatan mental;
- Pendapat politik;
- Melakukan atau didakwa melakukan sebarang kesalahan.

Data peribadi sensitif anda tidak akan dikongsi atau didedahkan kepada pihak lain melainkan anda telah memberikan persetujuan secara tersurat dan bertulis.

Sumber Data Peribadi Anda

Data peribadi anda dikumpulkan dari anda secara langsung, samada dari sumber yang berikut atau dari sebarang maklumat lain yang anda telah berikan kepada kami, dan sumber-sumber itu mungkin termasuk yang berikut:

- Borang pertanyaan atas talian dan luar talian
- Borang permohonan/ pendaftaran
- Dokumen berkait kelayakan dan/ atau sijil sebelumnya

Dalam sesetengah kes, data peribadi anda mungkin telah dikumpulkan dari sumber-sumber luaran termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- Pihak ketiga seperti institusi Pendidikan sebelumnya, agensi penguatkuasa undang-undang, dan lain-lain entiti kerajaan;
- Data peribadi yang boleh didapati di domain awam; dan
- Data peribadi mungkin dikumpulkan dari cookies melalui penggunaan laman web kami.

Bagaimanakah Kami Menggunakan Data Peribadi Anda?

Tujuan pengumpulan data peribadi dan pemprosesan lanjutan termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- Untuk memproses satu permohonan untuk kemasukan;
- Untuk mengurus dan merespons terhadap pertanyaan;
- Untuk mengekalkan butiran peribadi pelajar, rekod akademik dan bukan akademik;
- Untuk memudahcara aktiviti berkait kurikulum tambahan dan acara-acara sekolah;
- Untuk mengekalkan pendaftaran pelajar;
- Untuk menyediakan sokongan tadbir urus, perkhidmatan kaunseling dan panduan yang relevan;
- Untuk mengurus penggunaan kemudahan seperti perpustakaan dan makmal;
- Untuk mentadbir urusan tamat pengajian dan acara-acara berkait alumni;
- Untuk mentadbir urusan berhubung yuran pengajian dan lain-lain bayaran;
- Untuk berkomunikasi dengan pelajar mengenai pengumuman penting;

- Untuk memproses maklumat bagi pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun antarabangsa atau lembaga peperiksaan yang relevan;
- Untuk menghubungi saudara terdekat pelajar dalam kes kecemasan;
- Untuk mematuhi sebarang syarat perundangan, audit atau yang berkait dengan keselamatan;
- Untuk menuntut/mengumpul sebarang jumlah tertunggak dari ibubapa/penjaga;
- Untuk menjaga keperluan perubatan pelajar;
- Untuk semua dan sebarang tujuan sampingan lain berhubung dengan penyediaan perkhidmatan dari kami, contohnya, pakaian seragam, buku, atau perkhidmatan telekomunikasi dan teknologi; dan
- Sebarang tujuan lain berhubung dengan kelancaran operasi Sekolah kami.

Pendedahan Data Peribadi Anda

Kami tidak menjual data peribadi kepada pihak lain di bawah sebarang keadaan. Data peribadi anda hanya akan didedahkan atau dikongsi di mana perlu berhubung dengan perkhidmatan kami kepada anda sejajar dengan persetujuan anda atau jika dikehendaki oleh undang-undang. Keadaan sedemikian mungkin termasuk pendedahan kepada yang berikut:

- Lembaga peperiksaan atau bersekutu yang relevan dan lembaga dan institusi akademik, profesional atau akreditasi (di dalam dan di luar Malaysia);
- Penaja pelajar termasuk ibubapa/penjaga beliau;
- Penyedia perkhidmatan atau pihak ketiga lain (di dalam dan di luar Malaysia) yang kami lantik untuk perkhidmatan, contohnya penyedia perkhidmatan IT;
- Agensi penguatkuasa undang-undang, pihak berkuasa tempatan, badan kerajaan dan kawal seliaan, di mana diwajibkan di bawah instrumen berkanun atau perundangan;
- Kementerian Pendidikan, kedutaan asing (di mana berkenaan), Jabatan Imigresen Malaysia, dan Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- Di mana kami percaya atas dasar yang munasabah bahawa pendedahan adalah perlu untuk menghalang atau mengurangkan ancaman terhadap keselamatan atau mana-mana individu.

Bagaimana Kami Melindungi Data Peribadi Anda?

Kami mengamalkan budi bicara kami di bawah PDPA untuk melindungi kerahsiaan bagi mereka yang mana data peribadi mereka telah kami perolehi.

Semua data peribadi disimpan dengan selamat dan hanya boleh diakses oleh mereka yang memerlukan akses bagi tujuan memberikan perkhidmatan atau menjalankan kewajipan kami kepada anda. Langkah berjaga-jaga juga diambil untuk memastikan bahawa langkah-langkah keselamatan yang mencukupi disediakan bagi sebarang proses atau sistem yang kami gunakan.

Berapa lamakah kami menyimpan data peribadi anda?

Kami menyimpan data peribadi anda selagi ia diperlukan bagi tujuan di mana mereka dikumpulkan. Data peribadi anda akan dipadamkan selepas satu tempoh tertentu. Bagi tujuan institusi yang sah, kami mungkin mengekalkannya bagi tempoh yang lebih lama sesetengah data peribadi minimum anda sebagai rekod akademik atau sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang.

Apakah Hak Anda?

Anda mempunyai beberapa hak kelayakan tertentu terhadap pemprosesan data peribadi anda oleh kami di bawah PDPA. Hak anda termasuk yang berikut:-

- Hak untuk menarik balik persetujuan: Anda boleh melalui notis bertulis menarik balik persetujuan bagi kami untuk memproses data peribadi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa penarikan persetujuan anda akan bermakna bahawa kami tidak lagi boleh memberikan perkhidmatan kami kepada anda dan/atau membuat sesetengah transaksi untuk anda.
- Hak untuk mengakses maklumat anda dan/atau untuk membuat pembetulan: Anda berhak untuk mengetahui apakah data peribadi yang diproses mengenai diri anda. Pada masa yang sama, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan bahawa data yang kami proses dari anda adalah betul, tepat dan lengkap. Anda boleh meminta akses yang munasabah terhadap data peribadi anda untuk membetul atau meminda sebarang maklumat yang tidak tepat yang kami mungkin ada mengenai anda.
- Hak untuk menghalang pemprosesan: Anda boleh meminta agar kami menghentikan secara sementara atau secara kekal aktiviti pemprosesan ke atas data peribadi anda, terutama sekali jika pemprosesan itu berkemungkinan besar mengakibatkan kesusahan yang tidak diingini terhadap diri anda.
- Hak untuk menghalang pemprosesan untuk pemasaran langsung: Jika anda tidak ingin menerima kandungan atau mesej pemasaran langsung dari Sekolah kami, anda boleh meminta agar kami menghentikan pemprosesan data peribadi anda bagi tujuan sedemikian.

Menghubungi Kami

Jika anda ingin mengakses data peribadi anda, atau memperolehi maklumat lanjut berhubung data peribadi anda, sila hubungi kami di:

Tel: +606 - 762 0068 / +6010 219 9377 (Enquiries) / +6014 986 9377 (Admin)

Emel: info@sbn.wms.edu.my

Bagi tujuan keselamatan, kami berhak untuk membuat pengesahan terhadap identiti anda sebelum kami bertindak ke atas sebarang permintaan. Sila ambil perhatian bahawa PDPA membenarkan kami untuk mengenakan satu yuran bagi satu permintaan mendapatkan akses data. Anda juga memahami bahawa kami mungkin mempunyai asas perundangan untuk tidak akur terhadap permintaan anda di bawah keadaan tertentu.

Notis ini dikeluarkan dalam kedua-dua versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang konflik atau percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.

Dari semasa ke semasa, kami mungkin mengemas kini atau meminda Polisi Privasi ini tanpa sebarang notis awal sejajar dengan syarat-syarat perundangan, pengawalseliaan dan/atau institusi. Perubahan akan dinotifikasikan melalui laman web ini. Penggunaan berterusan anda terhadap perkhidmatan kami pada atau selepas sebarang semakan bermakna bahawa anda bersetuju dan memberi persetujuan terhadap polisi dan amalan sedia ada kami.

Tarikh Efektif: 3 Julai 2023